



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA (JPJ)

OPS KHAS KENDERAAN PERDAGANGAN: JPJ TERUS TEGAS TERHADAP KESALAHAN LEBIH MUATAN

GOMBAK - Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) terus memperhebat **Ops Khas Kenderaan Perdagangan** di seluruh negara bagi membanteras **kesalahan lebih muatan, pelanggaran syarat permit** serta **ketidakpatuhan teknikal** melibatkan kenderaan perdagangan. Operasi khas ini dilaksanakan secara bersepadu dan bersasar melibatkan kenderaan seperti **lori, treler**, serta **kenderaan barangan** bagi memastikan tahap keselamatan jalan raya sentiasa terpelihara dan pematuhan undang-undang dipertingkatkan secara menyeluruh.

Berdasarkan statistik penguatkuasaan dari **tahun 2024 hingga April 2026**, sebanyak **2,580,954 kenderaan perdagangan** telah diperiksa di seluruh negara melibatkan pelbagai **kategori kesalahan lebih muatan**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **415,846 kenderaan telah diambil tindakan** atas pelbagai kesalahan di bawah peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Berdasarkan statistik saman JPJ(P)22 sebanyak **45,986 notis** telah dikeluarkan pada tahun 2024, dan meningkat kepada **57,174 notis (2025)**. Bagi tempoh **Januari hingga April 2026** pula, sebanyak **14,885 notis** telah dikeluarkan atas kesalahan yang sama.

Selain tindakan saman, JPJ turut melaksanakan tindakan **sitaan** terhadap **753 kenderaan** yang melanggar syarat permit dan peruntukan undang-undang di bawah **Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD 2010)**. Antara negeri yang merekodkan jumlah sitaan tertinggi ialah **Pulau Pinang** dengan **133 sitaan**, diikuti **Selangor (125 sitaan)** dan **Pahang (101 sitaan)**.

JPJ menegaskan bahawa tindakan penguatkuasaan akan terus **dipertingkatkan secara agresif** menerusi **operasi berfokus, pemantauan berterusan** serta **penggunaan teknologi penguatkuasaan semasa** bagi meningkatkan ***Perception of Being Caught (POBC)*** dalam kalangan pengusaha dan pemandu kenderaan perdagangan.

Mana-mana pihak yang **gagal mematuhi undang-undang** serta mengabaikan aspek keselamatan jalan raya **akan dikenakan tindakan tegas tanpa sebarang kompromi**.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

20 MEI 2026

[TAMAT]